

Universiti kita diiktiraf

■ MOHD TAHA YAACOB

BESUT - Peningkatan ranking universiti di Malaysia membuktikan institusi pengajian tinggi negara ini bertaraf antarabangsa, malah mampu bersaing dengan universiti negara maju seperti United Kingdom, Jerman atau Australia.

Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengiktirafan beberapa buah universiti awam di negara ini sebagai 100 fakulti terbaik di dunia membuktikan, reputasi pendidikan tidak berada dalam kedudukan tercorot berbanding puluhan ribu universiti di dunia.

Menurutnya, fakulti Sains Persekitaran Universiti Sains Malaysia (USM) berada pada kedudukan 28 terbaik dunia, iaitu termasuk dalam senarai 50 terbaik dunia.

"Selain fakulti tersebut, terdapat lima lagi fakulti yang ditawarkan USM tersenarai 51 hingga 100 terbaik dunia, iaitu Sains Komputer dan Sistem Informasi, Kejuruteraan Kimia; Kejuruteraan Awam dan Struktur; Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal dan Pengilangan serta Farmasi dan Farmasikologi.

"Fakulti di UM (Universiti Malaya) turut tersenarai iaitu Fakulti Bahasa Moden, Sains dan Sistem Informasi; Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik; Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal dan Perkilangan serta Pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika Program Minum Pagi bersama rakyat di sebuah warung di Kampung Padang

Luas, Jerit di sini, kelmarin.

Idris berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut mengungguli senarai apabila dua fakultinya diiktiraf, iaitu Pendidikan dan Pengajian Antarabangsa dan Politik.

Menurut beliau, fakulti Perhutanan dan Pertanian serta Pendidikan yang ditawarkan Universiti Putra Malaysia (UPM) juga antara yang terbaik.

"Pencapaian membanggakan itu menyebabkan Malaysia menduduki tempat ke-9 daripada 30,000 universiti di seluruh dunia, yang menjadi tarikan pelajar asing untuk datang belajar dalam pelbagai bidang di negara ini," katanya.

Idris berkata, ia dibuktikan apabila terdapat lebih 135,000 pelajar asing sedang mengikuti pengajian di beberapa buah universiti tempatan, meliputi 10 peratus daripada jumlah pelajar yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

"Dengan perkembangan ekonomi mantap dan kerajaan yang stabil serta pentadbiran kerajaan yang berjaya diuruskan dengan baik, kini pelajar asing yakin untuk mengikuti pengajian di negara ini berbanding sebelumnya.

"Kerajaan sentiasa mengkaji untuk meningkatkan mutu sistem pendidikan negara setiap masa untuk seiring dengan perkembangan semasa," katanya.

Sehubungan itu beliau meminta rakyat tidak terpedaya dengan sikap segelintir pihak yang mempertikaikan pencapaian sistem pendidikan negara dan kemampuan universiti tempatan.

